

28/11/1999

Jangan ikut emosi (HL)

Mutazar Ab Ghani; Kadir Dikoh; Norfatimah Ahmad

BUKIT MERTAJAM: Ketika parti politik yang bertanding dalam pilihan raya umum ke-10 ini, menggiatkan kempen menjelang hari pengundian esok, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengundi supaya jangan terikut-ikut dengan mainan emosi pembangkang.

Perdana Menteri berkata, beliau faham jika ada pengundi rasa serba salah apabila melihat Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail membawa bersama anak-anaknya ketika berkempen bagi meraih simpati rakyat.

Sambil menganggap pendekatan yang dilakukan isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim itu bukan cara berpolitik yang sebenar, Dr Mahathir berkata: "Jika mereka (pembangkang) berhasrat menegakkan keadilan, mereka perlu jelaskan kepada penduduk, apakah ketidakadilan yang dilakukan."

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Politeknik Seberang Prai (PSP) di Jalan Permatang Pauh, di sini semalam, Perdana Menteri juga mempersoalkan dakwaan pembangkang berhubung ketidakadilan yang dikatakan dilakukan kerajaan, seperti dalam perbicaraan kes Anwar.

Malah, kata Dr Mahathir, perbicaraan Anwar sesungguhnya luar biasa dan kerajaan tidak pernah cuba melindungi sesuatu (daripada pengetahuan umum).

"Perbicaraan diadakan secara terbuka selama tujuh bulan dan Anwar diwakili sembilan peguam. Kehadiran media dan diplomat asing juga dibenarkan.

"Selain itu, Anwar mendapat layanan istimewa dan terbaru dia dibenarkan keluar untuk menghadiri upacara pengkebumian abangnya. Keadilan yang bagaimana lagi yang perlu diberikan kepadanya (Anwar)," katanya.

Ditanya mengenai pengaruh Anwar di Permatang Pauh serta penerimaan penduduk kawasan berkenaan, beliau berkata: "Saya tidak rasa pengaruhnya begitu kuat, tapi jika ada yang ke sana dengan anak sambil menangis, penduduk akan rasa terharu."

Bagaimanapun, Dr Mahathir yakin BN mempunyai peluang untuk mempertahankan kerusi Parlimen Permatang Pauh.

Mengenai dakwaan penyelarasan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM, Khairuddin Hassan, bahawa Wan Azizah meminta cerai daripada Anwar pada 1994 dan 1997, Perdana Menteri berkata:

"Saya sudah dengar perkara itu kerana dia (Azizah) mengaku pada seseorang yang saya kenal, tapi saya yakin dia (Azizah) akan menafikan perkara itu."

Dr Mahathir berada di Pulau Pinang dan Perlis semalam, sebagai sebahagian program menjelajah ke seluruh negara bagi memantapkan kempen pilihan raya BN. Beliau memulakan jelajah di kawasannya sendiri di Kubang Pasu, Kedah, selepas hari penamaan calon 20 November lalu, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah, Sarawak, Johor, Selangor, Terengganu dan Kelantan.

Beliau kembali semula ke Kedah hari ini dan dijadual merasmikan Masjid Bandar Darul Aman di Pekan Tanah Merah, melawat kilang DXN di Jalan Bukit Wang sebelum mengadakan sidang akhbar di Jabatan Kerja Raya Jitra pada jam 2 petang ini.

BN yang mengandungi 14 parti komponen, menghadapi tentangan di semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali DUN Tangkak di Johor dan Parlimen Betong di Sarawak yang dimenangi tanpa bertanding.

Dalam menghadapi BN pada pilihan raya ini, empat parti pembangkang di Semenanjung - Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Pas, DAP dan Parti Rakyat Malaysia, mengadakan pakatan yang digelar barisan alternatif.

Di Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) mengetuai kerjasama longgar dengan barisan alternatif manakala Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star) turut menyertai pakatan itu.

Selain pakatan itu, dua parti serpihan, iaitu Parti Demokratik Malaysia (MDP) yang ditubuhkan bekas pemimpin DAP dan Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim) yang membabitkan pakatan parti serpihan Pas, turut bertanding pada pilihan raya ini.

Di pihak pembangkang, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor banyak menumpukan kempennya di Kedah, Perlis dan Terengganu manakala Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, berkempen hampir sepenuh masa di Kelantan.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, pula kerap ke Pulau Pinang sejak hari penamaan calon dan menghabiskan kempennya malam ini di Pangkalan Kota setelah ke Tanjung Bungah, Bukit Gelugor dan Kebun Bunga.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail yang bertanding di Permatang Pauh, turut sibuk berkempen dan kelmarin berada di Perak sebelum ke kawasan Parlimen Kepala Batas di Pulau Pinang malam tadi untuk bersama Fadzil.

Sementara itu, Presiden PRM, Dr Syed Husin Ali, banyak menumpukan kempennya di Selangor.

Di KUALA LUMPUR, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Omar Mohd Hashim, dalam sidang akhbar berkata, semua bentuk kempen politik yang bermula sejak 20 November lalu, mesti dihentikan tepat jam 12 tengah malam ini, iaitu lapan jam sebelum proses pembuangan undi.

"Undang-undang mesti dipatuhi. Kalau ada yang melanggar peraturan ini, lapor kepada polis," katanya.

(END)